

PANDUAN MENJAWAB SOALAN

1. Terangkan Impian Bisnes yang anda ingin mulakan atau kembangkan.

Penerangan anda boleh dibuat dengan menjawab soalan panduan di bawah:

- a. Apakah bisnes makanan atau yang berkaitan makanan yang anda ingin buat?
- b. Mengapa ini menjadi Impian Bisnes anda?
- c. Adakah permintaan untuk produk anda atau adakah anda telah mula menjualnya?
- d. Terangkan tentang operasi bisnes anda.

Contoh: Berapa banyak anda boleh jual dalam sehari, waktu operasi, lokasi, mengapa anda yakin bisnes anda berpotensi untuk berkembang dan sebagainya untuk menyokong lagi sebab mengapa anda milih produk/bisnes tersebut.

Tips:

- Impian Bisnes anda perlulah berkaitan dengan restoran/cafe, gerai, perkhidmatan katering, review makanan, konten creator masakan
- Sila tonton Modul 1 untuk lebih info tentang sajian lazat berkhasiat dan Modul 2 tentang mengenal pasti jenis bisnes.

Contoh jawapan sebagai inspirasi:

“Saya ingin memulakan perkhidmatan katering dan menjual lauk masakan rumah kerana ramai jiran saya yang telah pun meminta saya masak untuk mereka. Dan mereka juga selalu menggunakan khidmat saya untuk buat katering kecil-kecilan untuk kenduri doa selamat atau majlis harijadi. Saya telah nampak potensinya untuk jadi lebih besar sekiranya saya ada dapur yang lebih besar. Jadi saya berani terima job katering yang besar. Dan sudah pasti ini akan memberikan pendapatan yang lebih stabil untuk keluarga saya”

2. Bakal pembeli yang bagaimanakah akan membeli produk atau servis anda?

Anda boleh ikut soalan panduan di bawah untuk menjawab:

- a. Siapakah yang biasa atau yang akan membeli produk atau servis anda?
- b. Mengapakah mereka memilihnya/sukakannya, atau mengapakah mereka membeli dari anda?
- c. Bilakah masanya mereka membeli dari anda?

Tips:

- Sila rujuk Modul 2 oleh Anne Idris untuk melakukan SWOT analisis dan bertambah baik lagi bisnes anda.
- Ceritakan berdasarkan pengalaman anda. Anda tidak perlu guna perkataan usahawan.

Contoh jawapan sebagai inspirasi:

“Pelanggan saya selalunya adalah ibu atau suri rumah yang tiada masa untuk memasak. Menu jenis lauk jadi pilihan mereka sebab ia rasa macam lauk masakan rumah dan harganya berpatutan”

3. Apakah rancangan anda untuk mula atau mengembangkan bisnes?

Anda boleh ikut soalan panduan di bawah untuk menjawab:

- a. Adakah ini bisnes baru atau yang sedia ada?
- b. Apakah yang anda ingin perbaiki sekiranya berjaya dapat bantuan? Contohnya, buat tambahan menu, pengiraan kos yang cekap dan sebagainya.
- c. Apakah pandangan/pendapat orang terhadap produk atau servis anda? Dan bagaimana ia boleh membantu anda?

Tips:

- Sila rujuk Modul 2 oleh Anne Idris untuk membuat rancangan perniagaan berkaitan makanan.
- Rancangan anda tidak perlu sempurna. Hanya ceritakan kepada kami apa yang anda ingin lakukan.

Contoh jawapan sebagai inspirasi:

“Saya bercadang untuk mendapatkan bahan masakan terus dari Cameron Highlands bagi menurunkan kos. Saya juga merancang untuk buat lebih banyak promosi secara online dan menjual melalui TikTok Shop dan LIVE”

4. Mengapa anda perlukan mentor untuk memula atau mengembangkan bisnes?

Anda boleh ikut soalan panduan di bawah untuk menjawab:

- a. Apakah cabaran terbesar anda? Apakah halangan yang sukar diatasi?
- b. Apakah yang anda ingin belajar dari mentor?
- c. Bagaimanakah Program Mentor MAGGI® Wanita Cukup Berani boleh membantu anda dan keluarga?

Tips:

- Sila rujuk Modul 1 hingga 4 untuk kenal pasti cabaran dan bagaimana mentor boleh bantu anda.
- Jawab sahaja dengan jujur dan ringkas. Ceritakan impian anda.

Contoh jawapan sebagai inspirasi:

“Sebenarnya saya tak tahu cara yang betul untuk kira kos dan untung. Memang agak-agak aje. Kalau boleh saya nak mentor tunjukkan cara yang tepat jadi taklah rugi atau tak nampak duit tu pergi mana. Baru saya akan lebih yakin buat bisnes”